



JABATAN ALAM SEKITAR MALAYSIA

GARISPANDUAN NILAI TAWARAN KOMPAUN, TATACARA PEMBAYARAN DAN RAYUAN KE ATAS TAWARAN KOMPAUN



JABATAN ALAM SEKITAR
SUKSES MELAKSANAKAN TRANSFORMASI PER
KADARAN KUALITI ALAM SEKELUAR NEGARA
DENGAN MELAKSANAKAN RAKA/AMALAN RAKA/AMALAN PER

Keputusan 31
TAWARAN UNTUK MEMGOMPAMU KESALAHAN

NO. MOMPAMU : 3000000002

MAKA PERSEKUTUAN : P.A. SIFILANAN (M) Sdn Bhd (L017 944, L017 945)

ALAMAT : LOT 404 & 404A JALAN KUALA SELANGOR, KAMPUNG BATU 8, L048, KUALA SELANGOR, SELANGOR

Tawaran dibuat sebagai syarat untuk penyelesaian projek di atas tanah bersempadan kedahilahan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 seperti berikut:

Petunjuk, Ukuran, Skala dan Tarikh Pelaksanaan Persekitaran :
1. NO. 1000 (PERSEKITARAN PERSEKITARAN KUALITI ALAM BERSEKUTUAN) BERKUALITI 2000

Skala Rata Keseluruhan :
DARAT TERLUAS BUKANLAH TERLUAS 100 PERSENTI AKAH BUKANLAH TERLUAS 100 PERSENTI

Tempat Kesalahan : LOT 404 & 404A JALAN KUALA SELANGOR, KAMPUNG BATU 8, SELANGOR

Tarikh : 19/02/2012 **Masa Cetak Kompam** : 12:53 PM

Tawaran dibuat sebagai syarat untuk penyelesaian projek di atas tanah bersempadan kedahilahan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 seperti berikut:

Petunjuk, Ukuran, Skala dan Tarikh Pelaksanaan Persekitaran :
1. NO. 1000 (PERSEKITARAN PERSEKITARAN KUALITI ALAM BERSEKUTUAN) BERKUALITI 2000

Skala Rata Keseluruhan :
DARAT TERLUAS BUKANLAH TERLUAS 100 PERSENTI AKAH BUKANLAH TERLUAS 100 PERSENTI

Tempat Kesalahan : LOT 404 & 404A JALAN KUALA SELANGOR, KAMPUNG BATU 8, SELANGOR

Tarikh : 19/02/2012 **Masa Cetak Kompam** : 12:53 PM

[Signatures and stamps]

1.0 PENGENALAN

- 1.1 Garispanduan ini adalah bertujuan untuk menyelaraskan kadar nilai tawaran kompaun, tatacara pembayaran dan rayuan ke atas tawaran kompaun di Pejabat JAS Negeri. Garispanduan ini juga adalah penambahbaikan ke atas Arahan Pejabat Bil.1/2011 dan Arahan Pejabat Bil.1/2007.

- 1.2 Garispanduan ini merangkumi Seksyen dan Peraturan-Peraturan di bawah Akta Kualiti Alam sekeliling 1974 yang diperuntukkan tawaran kompaun seperti berikut;
 - 1.2.1 Seksyen 29A, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974
 - 1.2.2 Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 1978;
 - 1.2.3 Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Efluen Perindustrian) 2009
 - 1.2.4 Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005
 - 1.2.5 Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan) 2009;
 - 1.2.6 Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Premis Yang Ditetapkan)(Kemudahan Pengolahan dan Pelupusan Buangan Terjadual) 1989;
 - 1.2.7 Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pencemaran Daripada Stesen Pemindahan Sisa Pepejal dan Kambus Tanah) 2009;
 - 1.2.8 Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Diesel) 1996;
 - 1.2.9 Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Petrol) 1996;
 - 1.2.10 Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Bunyi Bising Kenderaan Motor) 1987; dan
 - 1.2.11 Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Motosikal) 2003

2.0 NILAI TAWARAN KOMPAUN

2.1 KOMPAUN PEMBAKARAN TERBUKA DI BAWAH SEKSYEN 29A, AKTA KUALITI ALAM SEKELILING 1974

2.1.1 Kadar kompaun bagi kesalahan pembakaran terbuka adalah **RM 2,000.00** untuk **semua sektor aktiviti** (premis, syarikat, tapak pembinaan, ladang, hutan dsbnya) **KECUALI** aktiviti di para 2.1.2 di bawah. Walaubagaimanapun, kompaun **tidak boleh dikeluarkan** bagi kes **pembakaran terbuka** yang **disediakan kertas siasatan** untuk tujuan tindakan mahkamah; dan

2.1.2 Kadar kompaun bagi kesalahan pembakaran terbuka [aktiviti **SELAIN** daripada Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Diisytiharkan)(Pembakaran terbuka 2003)] untuk kawasan **perumahan@taman perumahan dan perbandaran di bawah seliaan PBT atau Majlis Perbandaran dan kawasan luar bandar atau kawasan kampung** adalah seperti berikut;

Kesalahan	Nilai Kompaun (RM) Kawasan Perbandaran Atau Taman Perumahan Di Bawah Seliaan PBT/ Majlis Perbandaran	Nilai Kompaun (RM) Luar Bandar atau Kawasan Kampung
Kesalahan Pertama	300	100
Kesalahan Kedua	500	200
Kesalahan Seterusnya	1000	300

2.2 KOMPAUN PUNCA TETAP INDUSTRI

2.2.1 Kadar kompaun bagi semua kesalahan di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling seperti berikut adalah **RM 2,000.00** bagi kesalahan pertama dan seterusnya;

- a. Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 1978;
- b. Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005;
- c. Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan) 2009; dan

- d. Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Premis Yang Ditetapkan)(Kemudahan Pengolahan dan Pelupusan Buangan Terjadual) 1989

2.2.2 Kadar kompaun bagi semua kesalahan di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Efluen Perindustrian) 2009 adalah berdasarkan **Panduan Teknikal Penguatkuasaan Peraturan-Peraturan Efluen Perindustrian 2009, No. Siri DOE-IETS-10 yang diterbitkan pada Januari 2012.**

2.3 KOMPAUN PUNCA TETAP BUKAN INDUSTRI

- 2.3.1 Kadar kompaun bagi semua kesalahan di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling seperti berikut adalah **RM 2,000.00** bagi kesalahan pertama dan seterusnya;
 - a. Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan) 2009; dan
 - b. Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pencemaran Daripada Stesen Pemindahan Sisa Pepejal dan Kambus Tanah) 2009

2.4 KOMPAUN PELEPASAN KENDERAAN BERMOTOR

- 2.4.1 Kadar kompaun bagi semua kesalahan di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Diesel) 1996 adalah **RM 2,000.00** bagi kesalahan pertama dan seterusnya;
- 2.4.2 Kadar kompaun bagi semua kesalahan di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Petrol) 1996 adalah **RM 300** bagi kesalahan pertama dan seterusnya;
- 2.4.3 Kadar kompaun bagi semua kesalahan di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Bunyi Bising Kenderaan Motor) 1987 adalah **RM 300.00** bagi kesalahan pertama dan seterusnya; dan
- 2.4.4 Kadar kompaun bagi semua kesalahan di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Motosikal) 2003 adalah **RM 300.00** bagi kesalahan pertama dan seterusnya; dan

3.0 TATACARA PEMBAYARAN DAN RAYUAN KE ATAS TAWARAN KOMPAUN

- 3.1 Tempoh sah tawaran kompaun adalah **SATU BULAN** dari tarikh kompaun dikeluarkan;
- 3.2 Tempoh mengemukakan rayuan mengurangkan kompaun adalah **SATU BULAN** dari tarikh kompaun dikeluarkan; dan
- 3.3 Rayuan mengurangkan kompaun hendaklah dipertimbangkan dalam satu **Jawatankuasa Rayuan Kompaun Negeri** yang dipengerusikan oleh Pengarah JAS Negeri dengan keahlian terdiri dari gred C52 atau C48 atau C41 dan seorang dari seksyen/ unit penguatkuasaan. Jika Jawatankuasa Rayuan Kompaun tidak dapat bersidang; maka, pertimbangan ke atas rayuan boleh dilaksanakan secara **edaran minit** kepada ahli-ahli Jawatankuasa Rayuan Kompaun Negeri.

4.0 KRITERIA RAYUAN PENGURANGAN KOMPAUN

4.1 KOMPAUN PEMBAKARAN TERBUKA

- 4.1.1 Kriteria rayuan mengurangkan kompaun bagi kesalahan **pembakaran terbuka untuk semua sektor aktiviti (premis, syarikat, tapak pembinaan, ladang, hutan dsbnya)** adalah seperti berikut;
 - (i) Mengemukakan bukti melalui laporan bergambar tindakan pematuhan terhadap arahan pembaikan bagi kesalahan yang dilakukan;
 - (ii) Kadar mengurangkan kompaun bagi kesalahan pertama adalah antara **25%-50%**; dan
 - (iii) Tiada sebarang rayuan dipertimbangkan bagi kesalahan kedua dan seterusnya
- 4.1.2 Bagi kesalahan pembakaran terbuka untuk **kawasan perbandaran dan perumahan@taman perumahan di bawah seliaan PBT atau Majlis Perbandaran dan kawasan luar bandar atau kawasan kampung**, kadar pengurangan kompaun adalah seperti berikut;

Kesalahan	Perbandaran atau Tamana Perumahan Di Bawah Seliaan PBT/ Majlis Perbandaran		Luar Bandar atau Kawasan Kampung	
	Nilai Tawaran Kompaun (RM)	Nilai Kompaun Selepas Rayuan (RM)	Nilai Tawaran Kompaun (RM)	Nilai Kompaun Selepas Rayuan (RM)
Kesalahan Pertama	300	250-300	100	50-100
Kesalahan Kedua	500	450-500	200	150-200
Kesalahan Seterusnya	1000	950-1000	300	250-300

4.2 KOMPAUN PUNCA TETAP INDUSTRI DAN BUKAN INDUSTRI

4.2.1 Kriteria rayuan mengurangkan kompaun bagi kesalahan di bawah Peraturan-Peraturan;

- a. Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 1978;
- b. Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005;
- c. Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan) 2009;
- d. Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Premis Yang Ditetapkan)(Kemudahan Pengolahan dan Pelupusan Buangan Terjadual) 1989
- e. Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Efluen Perindustrian) 2009
- f. Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan) 2009; dan
- g. Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pencemaran Daripada Stesen Pemindahan Sisa Pepejal dan Kambus Tanah) 2009

adalah seperti berikut;

- (i) Mengemukakan bukti melalui laporan bergambar tindakan pematuhan terhadap arahan pembaikan bagi kesalahan yang dilakukan;

- (ii) Mengemukakan permohonan kelulusan bertulis sekiranya kesalahan pemasangan cerobong atau alat pembakaran bahanapi tanpa kelulusan;
- (iii) Kadar mengurangkan kompaun bagi kesalahan pertama adalah antara 25%-50%; dan
- (iv) Tiada sebarang rayuan dipertimbangkan bagi kesalahan kedua dan seterusnya (kesalahan yang sama dan berulang).

4.3 KOMPAUN PELEPASAN KENDERAAN BERMOTOR

4.3.1 Kriteria rayuan mengurangkan kompaun bagi kesalahan di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeiling (Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Diesel) 1996 dan Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Petrol) 1996 adalah seperti berikut;

- (i) Mengemukakan resit pembaikan/ penyenggaraan kenderaan;
- (ii) Membuktikan pelepasan asap hitam kurang dari 50 HSU dengan sijil ujian semula asap hitam oleh PUSPAKOM;
- (iii) Membuktikan pelepasan gas (kenderaan petrol) mematuhi standard dengan mengemukakan sijil ujian semula oleh PUSPAKOM atau KYDL;
- (v) Rayuan hanya dipertimbangkan bagi kesalahan kali pertama dan kesalahan kali kedua sahaja; dan
- (vi) Kadar mengurangkan kompaun bagi kesalahan di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Diesel) 1996 adalah seperti berikut;

Jenis Rayuan	Nilai Kompaun Selepas Pengurangan (RM) <i>Fleet Operator</i>	Nilai Kompaun Selepas Pengurangan (RM) Individu/ Pemandu
Rayuan Kesalahan Pertama	1,000	500
Rayuan Kesalahan Kedua	1,500	1,000

GP-PENGUATKUASA BIL 3/2014

(vii) Kadar mengurangkan kompaun bagi kesalahan di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Petrol) 1996 adalah seperti berikut;

Jenis Rayuan	Nilai Kompaun Selepas Pengurangan (RM) <i>Fleet Operator</i>	Nilai Kompaun Selepas Pengurangan (RM) Individu/ Pemandu
Rayuan Kesalahan Pertama	200	100
Rayuan Kesalahan Kedua	300	150

4.3.2 Kadar mengurangkan kompaun bagi kesalahan di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Bunyi Bising Kenderaan Motor) 1987 dan Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Motosikal) 2003 adalah seperti berikut;

Jenis Rayuan	Nilai Kompaun Selepas Pengurangan (RM)
Rayuan Kesalahan Pertama	150
Rayuan Kesalahan Kedua	225

**JADUAL 1: RINGKASAN NILAI TAWARAN KOMPAUN DAN RAYUAN
PENGURANGAN KOMPAUN PEMBAKARAN TERBUKA**

Kesalahan	Premis/Syarikat/Ladang/ Hutan dsbnya		Kawasan Perbandaran atau Taman Perumahan di bawah seliaan PBT/ Majlis Perbandaran		Luar Bandar atau Kawasan Kampung	
	Nilai Tawaran Kompaun (RM)	Nilai Tawaran Kompaun Selepas RAYUAN (RM)	Nilai Tawaran Kompaun (RM)	Nilai Kompaun Selepas RAYUAN (RM)	Nilai Tawaran Kompaun (RM)	Nilai Kompaun Selepas RAYUAN (RM)
Kesalahan Pertama	2,000	1,500-1,000	300	250-300	100	50-100
Kesalahan Kedua	2,000	2,000	500	450-500	200	150-200
Kesalahan Seterusnya	2,000	2,000	1000	950-1000	300	250-300

**JADUAL 2: RINGKASAN NILAI TAWARAN KOMPAUN DAN RAYUAN
PENGURANGAN KOMPAUN PUNCA TETAP INDUSTRI DAN BUKAN INDUSTRI**

Kesalahan	Nilai Tawaran Kompaun (RM)	Nilai Kompaun Selepas Pengurangan (RM)
Pertama	2,000	1,500-1,000
Kesalahan Kedua dan Seterusnya	2,000	2,000

JADUAL 3: RINGKASAN NILAI TAWARAN KOMPAUN DAN RAYUAN PENGURANGAN KOMPAUN PELEPASAN KENDERAAN BERMOTOR

(Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeiling (Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Diesel) 1996)

Kesalahan	Fleet Operator		Individu/ Pemandu	
	Nilai Tawaran Kompaun (RM)	Nilai Kompaun Selepas RAYUAN (RM)	Nilai Tawaran Kompaun (RM)	Nilai Kompaun Selepas RAYUAN (RM)
Kesalahan Pertama	2,000	1,000	2,000	500
Kesalahan Kedua	2,000	1,500	2,000	1,000
Kesalahan Seterusnya	2,000	2,000	2,000	2,000

JADUAL 4: RINGKASAN NILAI TAWARAN KOMPAUN DAN RAYUAN PENGURANGAN KOMPAUN PELEPASAN KENDERAAN BERMOTOR

(Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Petrol) 1996)

Kesalahan	Fleet Operator		Individu/ Pemandu	
	Nilai Tawaran Kompaun (RM)	Nilai Kompaun Selepas RAYUAN (RM)	Nilai Tawaran Kompaun (RM)	Nilai Kompaun Selepas RAYUAN (RM)
Kesalahan Pertama	300	200	300	100
Kesalahan Kedua	300	300	300	150
Kesalahan Seterusnya	300	300	300	300

**JADUAL 5: RINGKASAN NILAI TAWARAN KOMPAUN DAN RAYUAN
PENGURANGAN KOMPAUN PELEPASAN KENDERAAN BERMOTOR**

(Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Bunyi Bising Kenderaan Motor) 1987 dan
Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Motosikal)
2003)

Kesalahan	Nilai Tawaran Kompaun (RM)	Nilai Kompaun Selepas RAYUAN (RM)
Kesalahan Pertama	300	150
Kesalahan Kedua	300	225

Disediakan oleh:

BAHAGIAN PENGUATKUASA

JAS IBU PEJABAT

09 APRIL 2014